

**Sistem Pendidikan Negara Memerlukan Penambahbaikan Berterusan - Muhyiddin Bernama**  
**10 Januari , 2012**

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Sistem Pendidikan negara memerlukan penambahbaikan berterusan bagi memastikan mutu pendidikan Malaysia setanding dengan negara-negara maju, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata kajian semula sistem pendidikan secara menyeluruh sedang dijalankan untuk memahami garis dasar pencapaian dan membangunkan fakta asas berdasarkan cabaran sistem sekolah di negara ini dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan standard dan merapatkan jurang pencapaian.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, bagi fasa pertama, penilaian sistem dilaksanakan dengan menubuhkan Panel Penilai Bebas tempatan dan antarabangsa bertujuan memberi input dan panduan dalam penilaian tersebut.

"Panel yang dilantik membantu proses penilaian dengan menyediakan khidmat kepakaran dan nasihat serta mendapatkan pelbagai pandangan dan perspektif yang luas mengenai sistem pendidikan negara.

"Dalam menyokong penilaian ini, bantuan kepakaran juga diperolehi daripada UNESCO melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman Kajian Semua Dasar Pendidikan Malaysia yang ditandatangani pada 18 Dis 2011," katanya ketika menyampaikan perutusan khas kepada warga Kementerian Pelajaran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, Selasa.

Muhyiddin yakin laporan penilaian dan halatuju sistem pendidikan negara yang lengkap itu akan dibentangkan sebelum akhir tahun ini.

Katanya melalui usaha transformasi sistem pendidikan negara juga, kerajaan mensasarkan untuk memperluaskan capaian jalur lebar di sekolah-sekolah di seluruh negara dan menyediakan persekitaran pembelajaran maya kepada semua murid.

Katanya sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 200 sekolah sudah siap dipasang capaian jalur lebar manakala sehingga April 2012 pula sebanyak 1,052 sekolah lagi akan siap dipasang kemudahan tersebut.

"Menjelang akhir tahun 2012, sebanyak 7,902 sekolah di seluruh negara dijangkakan mendapat perkhidmatan jalur lebar dan melaksanakan konsep persekitaran pembelajaran maya. Pemasangan capaian jalur lebar untuk semua sekolah dijadualkan siap sepenuhnya menjelang Mac 2013," katanya.

Jelasnya, usaha transformasi pendidikan sedang menampakkan hasil dengan peningkatan pendaftaran pelajar pra sekolah kepada 76.3 peratus, 97.5 peratus murid telah menguasai kemahiran literasi dan 96.8 peratus menguasai kemahiran numerasi, 52 buah sekolah dinobatkan sebagai sekolah berprestij tinggi serta 304 buah sekolah melonjakkan prestasi di bawah Program Pembangunan Sekolah.

Muhyiddin berkata bagi memastikan akses pendidikan berkualiti, sebanyak tiga projek infrastruktur baru dan 1,967 projek sambungan dengan peruntukan RM4.58 bilion telah diberikan bagi tahun ini.

Menurutnya usaha menyelenggara sekolah-sekolah daif dan uzur di kawasan bandar dan luar bandar akan dilaksanakan dengan menaiktaraf dan menyelenggara 600 buah sekolah yang dikategorikan sebagai uzur dan daif oleh pihak pemantauan audit fizikal Kementerian itu.

Pada sidang media kemudian, Muhyiddin berkata ahli panel Penilaian Sistem Pendidikan Negara yang sedia ada ketika ini akan ditambah lagi untuk memantapkan mutu pendidikan negara selaras dengan piawaian negara maju.

Disember lalu, beliau melantik panel yang dianggotai tujuh pakar dari pelbagai sektor yang diketuai (Pengerusi) oleh Naib Canselor Universiti Antarabangsa Albukhairy (AIU), Tan Sri Dr Dzulkifli Abdul Razak.

Panel itu dianggotai empat ahli korporat terkenal negara iaitu Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Bhd (AirAsia) Tan Sri Tony Fernandes, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi Kumpulan Sunway dan Jeffrey Cheah Foundation Tan Sri Dr Jeffrey Cheah serta Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd Tan Sri Azman Mokhtar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639043>